

Prestasi Perdagangan Antara Bangsa Malaysia untuk 2015

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, mengumumkan minggu lepas bahawa jumlah perdagangan Malaysia pada tahun ini diunjurkan berkembang dengan lebih tinggi pada kadar 2.0 peratus berbanding 1.2 peratus yang direkodkan pada tahun lalu. Tumpuan utama diberikan kepada peningkatan perdagangan antara negara-negara ASEAN. Dalam pada itu, keadaan pasaran global masih tidak menentu dan harga komoditi utama tidak menunjukkan perkembangan positif.

Sepanjang tahun lepas, keadaan eksport dan import menunjukkan corak turun-naik yang ketara. Namun, lebih dagangan dicatatkan untuk setiap bulan. Eksport barangan perkilangan menunjukkan pertumbuhan yang tinggi mengimbangi pertumbuhan negatif untuk eksport komoditi utama. Sementara itu di kalangan barangan perkilangan, eksport barangan elektrik dan elektronik merekodkan pertumbuhan yang tinggi terutama disebabkan oleh permintaan yang memberangsangkan dari Amerika Syarikat. Eksport elektrik dan elektronik mewakili kira-kira 36.3 peratus dari jumlah keseluruhan eksport Malaysia.

Namun begitu, barangan elektrik dan elektronik tidak memberikan nilai tambah yang tinggi. Proses pengeluaran kebanyakan produk dalam kategori ini melibatkan rantaian nilai global, yang mana pelbagai komponen yang terlibat berasal dari banyak negara, walaupun produk akhir dikeluarkan di Malaysia. Oleh itu, sumbangan eksport dari produk elektrik dan elektronik terhadap keluaran dalam negara kasar (KDNK) tidaklah begitu tinggi, walaupun nilai eksportnya tinggi.

Eksport komoditi terutama berkaitan minyak dan gas terus menunjukkan penurunan yang ketara di akhir tahun lepas. Ini termasuk gas asli cecair (LNG), produk petroleum

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

ditapis dan petroleum mentah. Ketiga-tiga produk petroleum ini menyumbangkan hampir 13.0 peratus kepada jumlah eksport negara. LNG dan produk petroleum ditapis menunjukkan penurunan kedua-dua dari segi harga dan kuantiti yang dieksport. Manakala, penurunan eksport untuk petroleum mentah adalah kerana kejatuhan harga, walaupun kuantiti yang dieksport menunjukkan peningkatan.

Harga minyak petroleum berterusan berada di paras rendah dipengaruhi lebih penawaran. Perbincangan di antara Saudi Arabia dan Venuzeala minggu lepas gagal membuahkan sebarang keputusan positif. Namun harga minyak menunjukkan sedikit peningkatan di akhir minggu lepas. Walau bagaimanapun, peningkatan harga tersebut dijangka tidak akan berterusan kerana tiada petunjuk baru sama ada terhadap pengurangan penawaran atau peningkatan permintaan, atau kedua-duanya.

Dalam pada itu, eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit terus menunjukkan penurunan dan merekodkan kejatuhan 7.0 peratus di hujung tahun lepas berbanding dengan tahun sebelumnya. Minyak sawit dan produk berasaskan sawit menyumbangkan 7.5 peratus kepada jumlah keseluruhan eksport negara.

Prestasi perdagangan antara bangsa yang agak baik di sepanjang tahun lepas walaupun menghadapi keadaan ekonomi global yang masih tidak stabil adalah penting untuk menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Tanpa pertumbuhan eksport yang sihat, tekanan terhadap pertumbuhan domestik untuk memacu pertumbuhan ekonomi berterusan, dan ini seterusnya akan memberi tekanan terhadap peningkatan harga domestik. Penurunan nilai ringgit dan pemulihan ekonomi sesetengah negara maju, terutamanya Amerika Syarikat (AS) adalah punca utama menyumbang kepada prestasi perdagangan antara bangsa yang baik ini.

Sementara itu Pengerusi Rizab Persekutuan AS (FED), Janet Yellen baru-baru ini membayangkan kemungkinan FED tidak menaikkan kadar faedah AS pada Mac ini. Ini adalah untuk memberi ruang kepada ekonomi AS supaya terus tumbuh berhadapan dengan situasi ketidakpastian semasa ekonomi global dan penjualan besar-besaran dalam pasaran saham yang dijangka akan menjejaskan ekonomi AS. Keadaan ini turut memberi ruang sementara kepada ekonomi Malaysia, di mana sektor elektrik dan elektronik akan terus menerima manfaat dari eksport yang berterusan ke AS.

Data dari Jabatan Perangkaan Malaysia turut mengklasifikasikan import berdasarkan tiga kegunaan, iaitu barangan modal, barangan perantaraan dan barangan penggunaan. Barangan modal merupakan barangan yang perlu untuk proses pengeluaran seperti mesin. Barangan perantaraan merupakan barangan separa siap atau barangan siap yang melalui proses seterusnya untuk menambah nilai. Manakala barangan penggunaan merupakan barangan yang diimport sebagai barangan akhir untuk kegunaan pengguna.

Arah aliran import untuk tahun lepas menunjukkan bahawa import barangan penggunaan meningkat dengan mendadak. Umpamanya, import barangan penggunaan pada bulan Disember 2015 meningkat sebanyak 37.8 peratus jika dibandingkan dengan Disember 2014. Dalam pada itu import barangan perantaraan menunjukkan penurunan untuk suku kedua dan ketiga tahun lepas. Pertumbuhan import barangan modal juga agak rendah.

Perkembangan ini adalah tidak berapa sihat untuk sektor perdagangan Malaysia untuk masa terdekat. Situasi yang lebih baik untuk menjana pertumbuhan eksport adalah pertumbuhan import sama ada untuk barangan modal atau barangan perantaraan, atau kedua-duanya. Dan pada masa yang sama import untuk barangan penggunaan perlu dikurangkan. Pertumbuhan import untuk barangan perantaraan sentiasa menunjukan korelasi positif dengan eksport untuk jangka pendek. Manakala kesan untuk peningkatan import barangan modal terhadap eksport lebih berbentuk jangka panjang.

Usaha kerajaan untuk menumpukan kepada peningkatan perdagangan antara negara-negara ASEAN adalah suatu langkah yang strategik. Pelbagai manfaat yang menyokong perdagangan wujud di dalam konteks Komuniti Ekonomi ASEAN. Konsep pengeluaran memanfaatkan rantai nilai global harus di rebut, terutama oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Usaha ini bukan sahaja mampu meraih manfaat jangka pendek, bahkan turut menyediakan negara untuk menghadapi Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) apabila ianya berkuat kuasa kelak.

Jumlah perdagangan antara Malaysia dan negara-negara ASEAN pada tahun lepas adalah sebanyak RM401.4 bilion. Lebihan dagangan didapati memihak kepada Malaysia dengan nilai RM37.2 bilion. Lebihan dagangan ini dipengaruhi oleh faktor

perdagangan antara Malaysia dan Singapura. Singapura merupakan rakan dagang terbesar Malaysia di dalam ASEAN dan kedua terbesar keseluruhannya di belakang China. Hampir separuh daripada eksport Malaysia ke negara-negara ASEAN adalah ke Singapura.

Selain dari Singapura, Thailand merupakan rakan dagang kedua terbesar Malaysia di dalam ASEAN diikuti oleh Indonesia. Kedua-dua jiran ini mewakili lebih kurang 10.0 peratus dari jumlah keseluruhan dagangan Malaysia. Namun demikian, tahun lepas Malaysia mencatatkan defisit dagangan dengan kedua-kedua negara jiran tersebut. Malaysia juga turut merekodkan defisit dagangan dengan Vietnam. Walau bagaimanapun, Malaysia mencatatkan lebih dagangan dengan Filipina. Jumlah dagangan dengan negara-negara ASEAN lain adalah kecil namun menunjukkan lebih secara kumpulan memihak kepada Malaysia.

Pasaran ASEAN keseluruhannya adalah melebihi 600 juta penduduk. Jadi sudah tentu penembusan pasaran tersebut amat bermakna untuk perdagangan negara. Di samping itu, usaha juga harus dibuat untuk megalakkan negara bukan TPP dikalangan ASEAN untuk mewujudkan rantaian melalui Malaysia untuk memsasaki lain-lain negara TPP tanpa melanggar syarat-syarat perjanjian.

PKS dari Malaysia perlu juga berusaha untuk menembusi pasaran ASEAN mungkin melalui perkongsian strategik. Kekuatan Malaysia berkaitan dengan produk halal perlu di manfaatkan. Permintaan untuk produk halal kini semakin meningkat di banyak negara di dunia.